

V B620 DEB
PARLIMEN - CHINA

KUALA LUMPUR, 28 OKT. (BERNAMA) -- SEKURANG-KURANGNYA ENAM PERJANJIAN PERDAGANGAN DIJANGKA DITANDATANGANI OLEH MALASYIA DAN CHINA SEMASA LAWATAN RASMI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD KE NEGARA ITU PERTENGAHAN BULAN DEPAN, DEWAN RAKYAT DIBERITAHU HARI INI.

TIMBALAN MENTERI LUAR ENCIK ABDUL KADIR SHEIKH FADZIR SEMASA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN ENCIK LIM KIT SIANG (DAP-KOTA MELAKA) BERKATA, SETAKAT INI BEBERAPA ORANG PEGAWAI KERAJAAN BERADA DI PEKING UNTUK MENYIAPKAN DRAF PERJANJIAN ITU.

+SALAH SATU PERJANJIAN ITU IALAH PERJANJIAN PERKAPALAN DAN IA KINI DALAM PERINGKAT TERAKHIR PENYIAPAN,+ KATANYA.

SEMASA MENJAWAB SOALAN LAIN DARIPADA YEW FOO WENG (BN-MENGLEMBU) ENCIK KADIR BERKATA BARU-BARU INI KERAJAAN TELAH MELONGGARKAN BEBERAPA SYARAT UNTUK PARA PEDAGANG SAH KE NEGERI CHINA.

+SEKARANG MEREKA YANG TERLIBAT TIDAK LAGI ADA MASALAH TETAPI BEBAN UNTUK MEMBUKTIKAN MEREKA ITU BENAR-BENAR PEDAGANG YANG SAH TERLETAK DI BAHU MEREKA SENDIRI,+ KATANYA. -- LAGI.

PARLIMEN - CHINA 2 KUALA LUMPUR

SEMASA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN WAN MOHAMAD NAJIB MOHAMAD (BN-FASIR PUTEH) MENGENAI ORANG-ORANG ISLAM DI CHINA BELIAU BERKATA ADALAH MENJADI HASRAT DATUK SERI DR. MAHATHIR UNTUK MENEMUI MEREKA DALAM LAWATANNYA AKAN DATANG.

TETAPI PERKARA ITU PERLU DILIHAT SECARA LEBIH LUAS DAN BERHATI-HATI.

+KITA TIDAK MAHU NANTI DENGAN PERJUMPAAN ITU PIHAK CHINA PULA MEMOHON UNTUK BERJUMPA DENGAN PIHAK-PIHAK TERTENTU DI NEGARA INI,+ KATANYA.

SEMASA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN NIK AZIZ NIK MAT (PAS-PENGAKALAN CHEPA) DAN SOALAN ASAL ENCIK PETER CHIN GAN OON (BN-IPOH) ENCIK KADIR MENEGASKAN PELBAGAI PERKARA YANG AKAN DIBINCANGKAN DALAM LAWATAN ITU TERMASUK SOAL-SOAL HUBUNGAN DUA HALA DAN IMBANGAN PERDAGANGAN.

PERDANA MENTERI JUGA KATANYA AKAN MENYENTUH ISU-ISU SERANTAU DAN ANTARABANGSA DAN AKAN MEMUJUK CHINA MENGHENTIKAN SOKONGAN KEPADA PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM).

+PERKARA INI PENTING DALAM MENJAGA KESTABILAN POLITIK NEGARA, TEGASNYA.

-- BERNAMA.

1715MST 28 10 85